

## **MSM MENCATATKAN KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI TAHUNAN SEBANYAK RM 60.71 JUTA**

**KUALA LUMPUR, FEBRUARI 20, 2019** – MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM), pengeluar gula bertapis terkemuka negara dan juga anak syarikat FGV Holdings Berhad (dahulu dikenali sebagai Felda Global Ventures Holdings Berhad), mengakhiri tahun kewangan 2018 dengan pemulihan berterusan, mencatatkan keuntungan sebelum cukai (PBT) sebanyak RM 60.71 juta – 400.0% peningkatan positif berakhir 31 Disember 2018 (TK2018) berbanding kerugian sebelum cukai (LBT) sebanyak RM 19.57 juta pada tahun sebelumnya.

Keuntungan bersih dari tahun ke tahun (YoY) meningkat sebanyak 197.0% kepada RM 35.62 juta berbanding kerugian yang dicatatkan pada tahun 2017 didorong oleh penurunan kos gula mentah (12B 2018: USD 13.94 sen/lb \ 12B 2017: USD 18.76 sen/lb) serta pemulihan nilai ringgit sebanyak 7.0% berbanding USD (12B 2018: RM 4.04 \ 12B 2017: RM 4.36) seiring penurunan harga jualan purata (ASP).

MSM mencatatkan penurunan hasil tahunan sebanyak 16.0% kepada RM 2.215 billion, berikutan 7.0% penurunan volum jualan bagi segmen Pemborong, 17.0% pengurangan bagi ASP Industri disebabkan pengeluaran Permit Import (AP) serta persaingan tinggi yang menyebabkan penurunan sebanyak 21.0% dalam jualan eksport.

Bagi suku ke-empat (S4) 2018, MSM mencatatkan keuntungan sebelum cukai (PBT) sebanyak RM 0.5 juta berbanding RM 23.3 juta pada suku yang sama pada tahun sebelumnya, berikutan peningkatan kos kewangan bagi pembayaran pinjaman serta perbelanjaan pentadbiran untuk MSM Johor.

“MSM terus berdiri teguh seiring fasa perkembangan yang progresif sepanjang perjalanan pemulihan. Kami telah mengukuhkan perniagaan secara berterusan serta meletakkan asas yang kuat untuk pertumbuhan melibatkan pembaharuan strategi yang lebih mantap, pengurusan kos terkawal serta peningkatan produktiviti dan kecekapan yang inklusif dalam Kumpulan.” kata Pengarah Eksekutif MSM, Dato’ Khairil Anuar Aziz.



Pendapatan sesaham (EPS) bagi tahun yang ditinjau kekal kukuh sebanyak 5.07 sen berbanding kerugian sebanyak 5.17 sen sesaham dan nilai aset bersih sesaham meningkat kepada RM 2.79 berbanding RM 2.74 pada tahun kewangan sebelumnya. Ini memberikan impak positif kepada MSM untuk terus mengukuhkan kedudukan dalam pegangan pasaran domestik seterusnya ke arah perniagaan mampan.

Seiring kedudukan matawang Ringgit yang semakin mengukuh berbanding USD, kos purata MSM bagi setiap metrik ton (MT) meningkat sebanyak 30% dengan penurunan purata harga belian USD kepada RM 4.0422 berbanding RM 4.3611 pada tahun 2017.

Beliau menambah, “Secara purata, perbelanjaan gula tahunan dianggarkan sebanyak USD 406 juta pada tahun 2018. Justeru itu, kami amat terdedah kepada ketidaktentuan harga dalam komoditi dan juga pasaran matawang. Dalam usaha menyokong komitmen kerajaan untuk memastikan bekalan gula yang mencukupi dalam negara, elemen-elemen pengurusan risiko telah diperbaharui seiring polisi yang telah ditetapkan dalam strategi melindungi nilai, mengurangkan kadar kerugian serta mengelakkan kontrak yang merugikan sebagai langkah proaktif dalam memastikan kedudukan kewangan yang kukuh.”

Selain itu, bagi melipatgandakan pengeluaran dan jualan, MSM Johor telah berjaya mendapatkan pensijilan piawaian bagi menjamin kualiti dan keselamatan produk gula. Ini termasuk HALAL, MS (Malaysian Standard), QMS ISO 9001:2015, KOSHER, FSSC22000, ISO22000, HCCP dan juga GMP. Setakat Disember 2018, hasil keluaran meningkat daripada 80% hingga 94% dan sebanyak 12,804.2 tan gula bergred ICUMSA 45 telah dikeluarkan menepati piawaian antarabangsa di mana gula tersebut telah dihantar kepada pelanggan-pelanggan syarikat makanan dan minuman (F&B) antarabangsa yang terkemuka.

Beliau menambah, “Penghasilan keuntungan pada tahun 2019 kian mencabar berikutan pelaksanaan duti eksais (cukai soda) bagi minuman bergula sebanyak RM 0.40 sen seliter bermula 1 April 2019. Walaupun masih terlalu awal untuk membuat sebarang kesimpulan, impak ini akan memberi kesan kepada pencapaian MSM. Walau bagaimanapun, MSM kekal optimis dengan pencapaiannya dalam perniagaan gula di samping sokongan padu yang diberikan oleh Ahli Lembaga Pengarah, pihak pengurusan, petugas dan juga sinergi yang positif daripada para pemegang saham dan pihak berkepentingan.”

“Kami sedang merangka semula strategi perniagaan untuk kekal bersaing. Kini, kami sedang giat meneliti perniagaan hiliran yang boleh memberikan sumbangan hasil di mana produk tersebut mampu memasuki rantai nilai dan berpotensi untuk meningkatkan pencapaian



syarikat. Kami mengalu-alukan perbincangan bersama syarikat-syarikat makanan dan minuman (F&B) tempatan dan juga antarabangsa untuk mewujudkan sebarang kerjasama terutama bagi mereka yang menggunakan gula atau pemanis sebagai bahan utama.” tambah beliau lagi.

Para pengeluar tempatan telah beroperasi dalam persekitaraan perniagaan yang mencabar di samping kos operasi perniagaan yang meningkat secara berterusan semenjak beberapa tahun ini. Industri telah menanggung kenaikan dari aspek gaji minimum, gas dan tarif elektrik, sementara harga siling gula bertapis kekal pada RM 2.85 setiap kg. Secara perbandingan, pengilang-pengilang F&B pula mampu untuk mengenakan kenaikan kos kepada pengguna sekiranya kos operasi meningkat. Sehubungan itu, MSM memohon sokongan daripada pihak kerajaan untuk tidak lagi meluluskan permit import gula yang baru bagi melindungi pengeluar tempatan memandangkan gula dianggap sebagai komoditi yang strategik hampir di seluruh dunia.

Industri gula telah mengharungi cabaran pada tahun 2018, di mana buat pertama kali dalam satu dekad, harga gula mentah dunia menjunam kepada satu angka iaitu pada US 9.91 c/lb berikutan pengeluaran melonjak di Thailand, India dan Kesatuan Eropah (EU). Harga gula halus mendapat tekanan apabila pengeluaran di India mencecah 35.6 juta tan pada 2017-2018, yang melampaui bekalan pasaran domestik lalu menggesa kerajaan India untuk mengumumkan subsidi eksport sekaligus mengasak pasaran.

Melangkah ke tahun 2019/20, harga gula mentah dunia dijangka akan meningkat di samping pasaran menghala ke arah defisit berikutan penuaian tebu di Brazil beralih kepada penghasilan ethanol serta EU memberikan fokus kepada pertanian lain yang lebih menguntungkan daripada penanaman bit gula.

Hala tuju yang jelas untuk tahun 2019, MSM optimistik dalam mengukuhkan kepimpinannya dalam industri gula, meningkatkan keuntungan, memberikan pulangan kewangan dalam perniagaan teras dan merangka pertumbuhan jangka panjang yang menguntungkan.

**-TAMAT-**



## **Maklumat MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM)**

Maklumat MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) adalah pengeluar gula bertapis terkemuka di Malaysia yang terlibat dalam pengeluaran, pemasaran dan penjualan produk gula bertapis di bawah jenama. Syarikat ini menjalankan perniagaan terutamanya melalui dua anak syarikatnya, MSM Prai Berhad dan MSM Perlis Sdn Bhd yang telah ditubuhkan pada tahun 1959 dan 1971. Di samping itu, MSM juga mengendalikan syarikat logistik - MSM Logistics Sdn Bhd dan sebuah syarikat dagangan - MSM Trading International DMCC, yang berpangkalan di Dubai, Emiriah Arab Bersatu.

Pada masa ini, kapasiti pengeluaran tahunan MSM mencecah 2.25 juta tan gula bertapis. Pada tahun 2018, MSM mengeluarkan sebanyak 987.467 tan gula bertapis, di mana 109,613 tan adalah untuk pasaran eksport. Ketika ini, MSM menguasai 58% majoriti syer pasaran domestik. Ditubuhkan pada 10 Mac 2011, MSM disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad pada 28 Jun 2011 dengan modal pasaran sebanyak RM1.83 bilion setakat 31 Disember 2018. MSM menggabungkan kejayaan ekonomi serta perlindungan alam sekitar dan tanggungjawab sosial untuk masa depan yang mampan.

MSM juga menawarkan pelbagai rangkaian produk daripada gula bertapis putih pelbagai saiz sehinggalah ke gula perang halus. Kesemua produk ini telah dipasarkan dan dijual di dalam pelbagai bentuk pilihan pembungkusan di bawah jenama "Gula Prai". MSM juga turut menjual 'molasses' sejenis produk sampingan yang dihasilkan menerusi proses penapisan gula hingga ke produk penyulingan dan penghasilan etanol, makanan haiwan dan yis di kalangan lain-lain produknya. MSM menjual ke seluruh rangkaian pengguna di Malaysia dan juga negara-negara lain secara langsung dan tidak langsung menerusi pedagang, pemborong dan penganjurnya. Para pelanggan termasuklah syarikat-syarikat besar yang terlibat di dalam industri makanan dan minuman, farmaseutikal, perhotelan, restoran, rangkaian kedai-kedai makanan serta pengguna isirumah.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.msmsugar.com](http://www.msmsugar.com)

### **Pernyataan Berpandangan Ke Hadapan**

Beberapa pernyataan dalam laporan ini mengenai operasi MSM adalah berbentuk pernyataan yang berpandangan ke hadapan. Pernyataan ini boleh dikenal pasti dengan kata-kata kunci seperti "percaya", "menganggarkan", "mengharapkan", "menjangka", "berhasrat", "mungkin", "akan", "merancang", "prospek" dan perkataan lain yang mempunyai maksud yang berkaitan dengan perbincangan mengenai prestasi operasi atau kewangan masa hadapan. Pernyataan ini berkaitan dengan rancangan, objektif, matlamat, strategi, operasi dan prestasi masa hadapan MSM. Keputusan dan hasil sebenarnya mungkin berbeza daripada yang diunjurkan dalam mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan disebabkan oleh pelbagai peristiwa, risiko, ketidakpastian dan faktor lain yang terlibat. Kami tidak berhasrat atau tidak menanggung apa-apa obligasi untuk mengemas kini atau meminda mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan, sama ada disebabkan oleh maklumat baharu, peristiwa masa hadapan atau sebaliknya.

*Untuk pertanyaan media, sila hubungi:*

**Siti Noorbaya Mohd Yunus**  
+603 2181 5018 ext. 158  
+6016 677 6118  
[noorbaya.my@msmsugar.com](mailto:noorbaya.my@msmsugar.com)

**Ahmad Izwan Osman**  
+603 2181 5018 ext. 154  
+6017 440 1027  
[ahmadizwan.o@msmsugar.com](mailto:ahmadizwan.o@msmsugar.com)